



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

# KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

AKTIVITI KAWALAN HAIWAN TERBIAR SERTA  
PENGURUSAN TEMPAT KURUNGAN  
DAN PERLINDUNGAN HAIWAN



# KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI KAWALAN HAIWAN TERBIAR SERTA PENGURUSAN TEMPAT KURUNGAN DAN PERLINDUNGAN HAIWAN

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000  
Fax : 603 888 6472  
Email : pro@dvs.gov.my

Cetakan Pertama : 2019

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

No. ISBN :

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, samaada cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

## ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	SKOP	2
4.0	DEFINISI	2
5.0	KATA SINGKATAN	3
6.0	PENGENDALIAN TANGKAPAN	4
7.0	PENGANGKUTAN	5
8.0	KRITERIA PREMIS	5
9.0	PENGURUSAN HAIWAN	7
10.0	PEMERIKSAAN KESIHATAN DAN PENGENALAN HAIWAN	8
11.0	PENGURUSAN PELUPUSAN HAIWAN	8
12.0	RUJUKAN	9
13.0	LAMPIRAN	10

## KATA PENGANTAR

### KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta 772, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang mengandungi piawaian serta garis panduan berkaitan kebajikan haiwan. KAKH ini berperanan menjadi rujukan kepada pemilik lesen dan juga mana-mana pihak yang berkenaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang terlibat dalam aktiviti di atas sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah diharapkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini dapat dilaksanakan semasa mengendalikan haiwan dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja, agensi kerajaan, pihak NGO dan semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

**DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar**  
**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**  
**Malaysia**

# KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

## AKTIVITI KAWALAN HAIWAN TERBIAR SERTA PENGURUSAN

## TEMPAT KURUNGAN DAN PERLINDUNGAN HAIWAN

### 1.0 PENDAHULUAN

Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) ini dibuat untuk memastikan pengurusan kawalan haiwan terbiar serta pengurusan tempat kurungan dan perlindungan haiwan dilaksanakan dengan kaedah yang betul oleh semua agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam aktiviti kawalan haiwan terbiar agar kebajikan haiwan tidak diabaikan dan terpelihara.

Berdasarkan Seksyen 24 Akta Kebajikan Haiwan 2015, pemunya atau pemegang lesen hendaklah mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah dalam memastikan keperluan haiwan dipenuhi dalam semua aspek pengendalian serta pengurusan kawalan haiwan terbiar, termasuklah:

- i. Keperluannya kepada persekitaran yang sesuai;
- ii. Keperluannya untuk diet yang sesuai;
- iii. Keperluannya untuk membolehkannya memamerkan corak kelakuannya yang semula jadi;
- iv. Keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- v. Keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

KAKH ini perlu dipatuhi oleh semua agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam aktiviti di atas.

### 2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memastikan kebajikan haiwan yang ditangkap terpelihara;
- 2.2 Membolehkan haiwan terbiar dan haiwan rampasan yang ditangkap dijaga dalam tempoh yang munasabah sebelum penyerahan semula kepada pemunya haiwannya;

- 2.3 Memastikan kaedah penangkapan, pengangkutan, penjagaan sementara dan pelupusan haiwan terbiar adalah mengikut garis panduan yang ditetapkan; dan
- 2.4 Memastikan kaedah dan peralatan yang digunakan dalam aktiviti kawalan haiwan terbiar tidak memberi kesan yang negatif kepada haiwan.

### 3.0 SKOP

KAKH Aktiviti Kawalan Haiwan Terbiar dan Pengurusan Tempat Kurungan Serta Perlindungan Haiwan ini menjelaskan amalan baik dan keperluan piawai minima yang perlu dipatuhi dari segi kaedah yang digunakan semasa penangkapan, pengangkutan, pengurusan haiwan di tempat kurungan dan tempat perlindungan haiwan dan pelupusan.

### 4.0 DEFINISI

- 4.1 Haiwan ada pengenalan diri  
Haiwan mempunyai tanda pengenalan diri seperti microchip, tag lesen, RFID atau pengenalan diri yang boleh dilihat dengan mata kasar atau dibaca dengan menggunakan peralatan yang sesuai.
- 4.2 Haiwan tiada pengenalan diri  
Haiwan tidak mempunyai tanda pengenalan diri seperti microchip, tag lesen, RFID atau pengenalan diri yang boleh dilihat dengan mata kasar atau dibaca dengan menggunakan peralatan yang sesuai
- 4.3 Haiwan Terbiar  
Haiwan terbiar termasuk semua jenis haiwan yang tidak berlesen atau berlesen yang meraya tanpa tuan atau penyeliaan di tempat awam
- 4.4 Haiwan Rampasan  
Haiwan yang dirampas oleh PBV atau PBT sama ada berlesen atau tidak bagi tujuan pendakwaan kepada pemunya haiwan
- 4.5 Operator  
Individu yang mengusahakan tempat kurungan atau tempat perlindungan berdaftar/berlesen yang mengambil tanggungjawab penjagaan haiwan

- 4.6 Pekerja  
Individu yang bekerja di tempat kurungan atau tempat perlindungan
- 4.7 Pemunya haiwan  
Mana - mana orang yang memiliki haiwan
- 4.8 Penangkap  
Individu atau mana-mana syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk menangkap haiwan terbiar dan dirampas
- 4.9 Tempat kurungan (*pound*)  
Premis di mana haiwan sama ada berpemunya haiwan atau tidak yang berkeliaran ditangkap ataupun haiwan yang dirampas dari pemunya haiwan ditempatkan
- 4.10 Tempat perlindungan (*shelter*)  
Premis di mana haiwan terbiar yang diselamatkan ditempatkan
- 4.11 Premis  
Tempat kurungan atau tempat perlindungan haiwan
- 4.12 Pelupusan Haiwan  
Pengurusan untuk mengeluarkan haiwan yang dirampas, yang ditangkap dan haiwan yang diselamatkan dari premis

## 5.0 KATA SINGKATAN

- 5.1 DVS - Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- 5.2 JKT - Jabatan Kerajaan Tempatan
- 5.3 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan
- 5.4 NGO - Non-government Organisation
- 5.5 PBT - Pihak Berkuasa Tempatan
- 5.6 PBV - Pihak Berkuasa Veterinar
- 5.7 RFID - Radio frequency identification device

## 6.0 PENGENDALIAN TANGKAPAN

- 6.1 Penangkap bertanggungjawab mengendalikan penangkapan haiwan terbiar tanpa mengasari haiwan.
- 6.2 Penangkap perlu menjalani latihan yang diiktiraf oleh DVS.
- 6.3 Penangkap hendaklah memastikan kaedah penangkapan haiwan terbiar dan haiwan dirampas dilakukan dalam keadaan yang berperikemanusiaan.
- 6.4 Haiwan boleh ditangkap melalui kaedah-kaedah yang bersesuaian seperti berikut:
  - 6.4.1 Penangkapan menggunakan gelung  
Penangkap perlu menghampiri haiwan yang hendak ditangkap pada jarak dekat. Gelung dimasukkan ke leher haiwan dan kabel gelung ditarik untuk mengikat leher haiwan tersebut. Pastikan leher haiwan tidak terjerut.
  - 6.4.2 Penangkapan menggunakan perangkap  
Perangkap dipasang di lokasi yang sesuai. Umpam digunakan untuk menarik perhatian haiwan masuk ke dalam perangkap. Haiwan dikeluarkan dari perangkap menggunakan gelung. Tempoh simpanan dalam sangkar sementara tidak boleh melebihi 48 jam. Haruslah dipastikan haiwan itu di dalam keadaan yang baik dan mematuhi 5 prinsip kebebasan.
  - 6.4.3 Penangkapan menggunakan jaring  
Kaedah penangkapan sesuai dijalankan di kawasan yang senang dikepung seperti berdinding atau berpagar. Haiwan dihalau ke arah dinding atau pagar. Jaring digunakan untuk menangkap.
  - 6.4.4 Kepungan  
Penangkap hendaklah mencari tempat yang sesuai untuk kerja – kerja penangkapan. Peralatan yang perlu disediakan untuk operasi menangkap:

- a. Pagar mudah alih - dipasang berdekatan dengan kumpulan haiwan. Haiwan dihalau ke arah pagar tersebut dan dikepung.
- b. Travis mudah alih.
- c. Tempat naik turun haiwan ke lori seperti papan.
- d. Kenderaan yang sesuai.
- e. Tali - digunakan untuk lasso haiwan dan haiwan dibawa naik ke dalam kenderaan.

#### 6.4.5 Menggunakan ubat pelali

Ubat pelali digunakan untuk menangkap sekiranya haiwan didapati agresif dengan kebenaran dan pemantauan PBV atau doktor veterinar berdaftar. Senapang atau ‘blow pipe’ digunakan untuk menembak ke arah haiwan tersebut.

### 7.0 PENGANGKUTAN

Pengangkutan membawa haiwan terbiar yang ditangkap ke tempat kurungan serta haiwan yang diselamatkan ke tempat perlindungan hendaklah dikendalikan sesuai dengan amalan kebaikan haiwan.

### 8.0 KRITERIA PREMIS

Operator perlu bertanggungjawab menyediakan infrastruktur yang bersesuaian dan memelihara kebaikan haiwan sepanjang tempoh kurungan. Semua haiwan terbiar yang ditangkap dan diselamatkan perlu ditempatkan di premis yang ditetapkan PBT atau PBV yang mempunyai kemudahan-kemudahan seperti berikut:

- 8.1 Mempunyai ruangan atau tempat kurungan yang cukup luas untuk menyimpan dan menempatkan haiwan bersesuaian dengan saiz haiwan. Saiz sangkar sama ada secara sendirian atau berkumpulan hendaklah mencukupi untuk haiwan makan, tidur, berdiri, duduk, baring dengan selesa, meregang dan bergerak dengan bebas. Keperluan saiz adalah seperti dalam Lampiran 1.
- 8.2 Mempunyai ruangan atau tempat kurungan dengan dinding atau pagar dan lantai konkrit dengan kecerunan 10% ke arah longkang. Mempunyai bumbung untuk melindungi haiwan dari hujan, panas melampau, angin dan kesejukan.

- 8.3 Mempunyai sistem pengudaraan yang baik, suhu yang sesuai dan cahaya yang mencukupi.
- 8.4 Memastikan premis tersebut selamat daripada gangguan haiwan luar.
- 8.5 Mempunyai tempat makanan dan minuman yang mencukupi.
- 8.6 Mempunyai ruang pengasingan untuk haiwan sakit, haiwan yang baru masuk, haiwan yang ada pengenalan diri dan haiwan terbiar tiada pengenalan diri.
- 8.7 Mempunyai tempat pemeriksaan dan rawatan haiwan yang berasingan dan digalakkan menyediakan sebuah ruang khas.
- 8.8 Rekabentuk tempat penjagaan sementara hendaklah memudahkan perhatian dibuat oleh pemunya haiwan atau pengendali terbabit.
- 8.9 Perlu mempunyai polisi dan prosedur pindah milik atau pemunya haiwanan, pemandulan serta kaedah pelupusan yang diiktiraf oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.
- 8.10 Pengurusan tempat kurungan dan perlindungan haiwan hendaklah dikendalikan oleh operator yang terlatih mengikut kaedah pengendalian yang sesuai dan selamat.
- 8.11 Operator tempat kurungan dan perlindungan haiwan hendaklah menyedia, menyimpan dan mengemaskini rekod-rekod berkaitan pengurusan tempat kurungan dan perlindungan haiwan dan ianya perlulah dikemukakan kepada pegawai kebajikan haiwan apabila diminta.
- 8.12 Setiap premis kurungan dan perlindungan haiwan hendaklah mempunyai peti kecemasan untuk haiwan seperti di Lampiran 2.
- 8.13 Setiap premis kurungan dan perlindungan haiwan hendaklah mempunyai persiapan minima yang mencukupi bagi menghadapi sebarang insiden kebakaran seperti di Lampiran 3.

## 9.0 PENGURUSAN HAIWAN

- 9.1 Pekerja hendaklah sentiasa mengendalikan haiwan dengan baik dan mengetahui tanggungjawabnya.
- 9.2 Pekerja hendaklah berpengalaman, terlatih dan kompeten dalam mengendalikan haiwan dalam premis.
- 9.3 Bilangan pekerja perlu mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti dengan baik dan berkesan.
- 9.4 Haiwan perlu dibekalkan makanan dan air minuman yang bersih serta mencukupi mengikut keperluan asas haiwan tersebut.
- 9.5 Persekutuan yang menempatkan haiwan perlu sentiasa kering dan bersih.
- 9.6 Haiwan sakit atau menghidapi penyakit berjangkit perlu diasing dan dilaporkan kepada doktor veterinar berdaftar untuk tindakan susulan. Setiap aktiviti rawatan hendaklah direkodkan.
- 9.7 Operator haruslah mengambil langkah-langkah pencegahan yang ketat bagi mengelakkan pembiakan yang tidak terkawal di dalam premis. Sekiranya larangan ini tidak dipatuhi, pelesenan aktiviti tersebut boleh dibatalkan.
- 9.8 Operator boleh menyerahkan haiwan kepada orang awam bagi tujuan pengambilan haiwan angkat dari premis yang berlesen ini. Rekod penyerahan haiwan haruslah disimpan di premis.
- 9.9 Orang awam yang diberi tanggungjawab menjaga haiwan angkat hendaklah mematuhi 5 prinsip kebebasan.
- 9.10 Setiap aktiviti pembersihan, jadual pemberian makanan dan minuman, program kesihatan serta pelupusan perlu direkodkan.

## 10.0 PEMERIKSAAN KESIHATAN DAN PENGENALAN HAIWAN

Haiwan yang ditangkap akan diperiksa kesihatannya terlebih dahulu. Pengenalan diri haiwan diperiksa untuk mengenal pasti pemunya haiwan sekiranya ada sebelum disimpan di premis.

- 10.1 Kaedah mengesan semula pemunya haiwan.
  - a. Maklumat untuk mengesan.
    - pendaftaran haiwan kesayangan (*pet passport*)
    - lesen (anjing)
    - pengenalan yang dapat dilihat (contohnya kolar)
  - b. pengenalan tetap (iaitu tatu, mikrocip, RFID, tag telinga dan sebagainya) untuk mengenal pasti pemunya haiwan.
  - c. Operator perlu menghebahkan penangkapan haiwan melalui media cetak atau media sosial serta papan kenyataan di premis masing-masing.

## 11.0 PENGURUSAN PELUPUSAN HAIWAN

Operator hendaklah mempunyai polisi berkaitan pengurusan haiwan yang akan dilupuskan seperti berikut:

- 11.1 Penempatan semula haiwan kepada pemunya haiwan yang baru
  - 11.1.1 Bagi haiwan kesayangan seperti anjing dan kucing, pemandulan boleh dilakukan oleh doktor veterinar berdaftar sebelum diserahkan kepada pemunya haiwan baru sebagai langkah kawalan populasi.
  - 11.1.2 Pemunya haiwan yang baru bertanggungjawab memastikan haiwan divaksinasi dengan vaksin asas mengikut jadual seperti di Lampiran 4.
  - 11.1.3 Kesesuaian pemunya haiwan baru untuk menerima haiwan perlu dinilai oleh operator. Kesedaran perlu diberi kepada pemunya haiwan yang baru tentang pemunyanai haiwan bertanggungjawab.

11.2 Dilelong

Haiwan yang tidak berpunya atau tidak dituntut dan disahkan bebas penyakit dibenarkan untuk lelongan selepas tempoh tujuh hari.

11.3 Dimusnahkan

Haiwan yang disahkan berpenyakit oleh doktor veterinar berdaftar akan dimusnahkan mengikut kaedah yang dibenarkan seperti yang dijelaskan di dalam KAKH Aktiviti Pelupusan Haiwan bagi Semua Haiwan.

## 12.0 RUJUKAN

- 12.1 APTVM Penghapusan No. Dokumentasi: APTVM 22(e):1/201013.5
- 12.2 Good Animal Husbandry Practice for Pets and Exotic Animal (DVS Malaysia)
- 12.3 Housing and Space Guidelines for Livestock, University of New Hampshire
- 12.4 OIE TERRISTERIAL CODE – Chapter 1.7.7 Stray Dog Population Control
- 12.5 Pet Boarding Establishments – Code of Practice for Boarding Catteries ( New Zealand)
- 12.6 Small Animals Minimum Space Requirement for Dogs - Agriculture.ny.gov
- 12.7 WSAVA Vaccination-Guidelines

**Lampiran 1**

## **SAIZ SANGKAR DAN PEN YANG DISYORKAN RUMINAN, BUKAN RUMINAN & UNGGAS**

Jenis Haiwan	Keluasan minimum lantai (cm <sup>2</sup> )*/seekor
Lembu / Kerbau	33,000
Lembu Tenuku	40,000
Kambing / Bebiri	15,000
Kuda	120,000
Babi	60,000
Ayam	2,500
Ayan Belanda	6,500
Itik	5,500

## **SAIZ SANGKAR DAN PEN YANG DISYORKAN**

(Haiwan hanya boleh disimpan dalam sangkar/  
pen ini untuk maksimum 4 minggu)

Spesies	Keluasan lantai minima (cm <sup>2</sup> )	Lebar minima (cm)	Ketinggian minima (cm)	Bilangan maksima haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm <sup>2</sup> )
<b>ANJING</b> <b>anak anjing ( 8-16 minggu)</b> kurang dari 3 kg lebih 3 kg	6,000 6,000	60 60	50 50	4 2	1,500 3,000
<b>dewasa (ketinggian)</b> kurang dari 40 cm 40 - 70 cm lebih 70 cm	15,000 24,000 35,000	90 100 120	Tinggi 15cm dari hujung kepala ke hujung atas sangkar	1 1 1	10,000 12,000 17,000
<b>dewasa (ketinggian)</b> ibu menyusu anak menyusu	35,000	120		1	17,000 4,000

Spesis	Keluasan lantai minima (cm <sup>2</sup> )	Lebar minima (cm)	Ketinggian minima (cm)	Bilangan maksima haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm <sup>2</sup> )
<b>KUCING</b> anak kucing (8 - 12 minggu) dewasa	6,000	60	50	4	1,500
	6,000	60	50	1	
<b>ARNAB</b> anak (6 - 12 minggu) dewasa	6,000	60	50	6	300
	6,000	60	50	2	
<b>GUINEA PIGS</b>	2,500	50	40	4	600
<b>MICE</b>	600	20	20	2	300
<b>ULAR</b> sehingga 100 cm 100 - 250 cm 250 - 400 cm lebih 400 cm	2,000	45	35	2	1,000
	4,500	50	50	2	2,250
	6,000	50	50	2	3,000
	10,000	90	75	1	5,000
<b>CICAK</b>  Tokek, Mengkarung, Cicak tanpa kaki untuk 25 cm dari muncung hingga dubur  Biawak, Mengkarung untuk 30 cm panjang * untuk 50 cm panjang ** untuk 90 cm panjang ***  Biawak untuk 120 cm panjang untuk 200 cm panjang	1,800	30	20	3 dewasa atau 10 juvana	300
	2,100	40	40	3 dewasa atau 10 juvana	350
	2,500	40	40	2 dewasa or 5 juvana	600
	7,000	90	60	1	3,500
	10,000	90	90	1	5,000
	30,000	150	120	1	15,000

Spesies	Keluasan lantai minima (cm <sup>2</sup> )	Lebar minima (cm)	Ketinggian minima (cm)	Bilangan maksima haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm <sup>2</sup> )
<b>KATAK POKOK &amp; TANAH</b>					
kecil besar	1,800 2,500	30 50	40 30	3 6	400 150
<b>BURUNG SANGKAR "INDOOR"</b>					
<b>Saiz burung cm panjang</b>					
10	1,000	-	34	2	500
12	1,600	-	34	2	800
30	5,000	-	70	2	2,500
40	8,000	-	70	2	5,000
50	22,500	-	100	2	7,500
90	36,000	-	120	2	12,000
<b>BURUNG SANGKAR "Outdoor"</b>					
<b>Saiz burung cm panjang</b>					
10	3,700	-	180	2	1,800
12	7,200	-	180	2	3,600
30	10,000	-	180	2	5,000
40	15,000	-	180	2	7,500
50	25,000	-	180	2	12,500
90	50,000	-	180	2	25,000
<b>KURA-KURA</b>	<b>MINIMUM KEDALAMAN AIR</b>				
Karapas 0 -10 cm	1,800	30	20	3	300
Karapas 10 – 20 cm	3,600	40	30	3	600
Karapas lebih 20 cm	6,000	40	30	3	1,500

Nota:

Tikus juvana (kurang dari 8 minggu) boleh ditempatkan sebanyak 4 ekor dalam satu sangkar.

Ular sawa juvana (kurang daripada 40 cm) boleh disimpan bersendirian dalam unit halaman dengan keluasan lantai minimum  $480 \text{ cm}^2$ . Unit-unit ini boleh disimpan dalam satu kepungan suhu.

- \* Kumpulan ini termasuk Mengkarung Batu Hitam (Black Rock), Pokok, Putih (White's) dan Belang.
- \*\* Termasuk Mengkarung berbadan berat dan spesis gerak-pancut (shower-moving) seperti Lidah-biru (Blue-tongue), Sirap belakang (Shingleback dan Gidgee)
- \*\*\* Termasuk Mulet Darat, Yakka dan Mengkarung Raja.

## Lampiran 2

### PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting
2. Pita
3. Gel Pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. Kain balutan tidak melekat
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forsep
11. *Normal saline*
12. Termometer
13. Swab gauze
14. *Penlight*
15. Sanitizer
16. Bandage

### **Lampiran 3**

#### **LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN PERSIAPAN MENGHADAPI KEBAKARAN.**

1. Mengenalpasti laluan keluar kecemasan untuk mengeluarkan haiwan dari dalam premis semasa kebakaran.
2. Menyediakan alat pemadam api atau gulungan hos api yang cukup untuk mencapai semua kurungan haiwan.
3. Barang yang mudah terbakar disimpan di kawasan yang terpisah dari tempat kurungan haiwan
4. Memasang alat pengesan asap yang mencukupi bagi premis kurungan haiwan yang tertutup.
5. Merokok adalah tidak dibenarkan di premis kurungan haiwan/ kawasan pameran.
6. Tanda "dilarang merokok" ditempat-tempat yang mudah dilihat di premis kurungan haiwan/kawasan pameran.
7. Pemadam api yang digunakan hendaklah diperiksa dan diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

**Lampiran 4****VAKSIN ANJING YANG DISYORKAN**

<b>Penyakit</b>	<b>Jenis Vaksin</b>	<b>Cara Pemberian Vaksin</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)</b>	<b>Vaksinasi Ulangan</b>
<b>Distemper</b>	MLV	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Canine hepatitis berjangkit CAV-1 or CAV-2</b>	MLV Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
		SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Jangkitan Parvovirus</b>	MLV Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Bordetella</b>	Inactivated Attenuated hidup	SC or IM IH	6-8 >2	10-12	14-16	Tahunan Dua Kali Setahun
<b>Parainfluenza</b>	MLV	SC, IM or IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Leptospirosis</b>	Inactivated	SC or IM	10-12	14-16	-	Tahunan
<b>Rabies *</b>	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

\* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan pihak berkuasa veterinar

**VAKSIN KUCING YANG DISYORKAN**

<b>Penyakit</b>	<b>Jenis Vaksin</b>	<b>Cara Pemberian Vaksin</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)</b>	<b>Vaksinasi Ulangan</b>
<b>Panleukopenia (FP)</b>	Inactivated MLV MLV IN	SC atau IM SC atau IM SC atau IM	6-8 6-8 6-8	10-12 10-12 10-12	14-16 14-16 14-16	Tahunan Tahunan Tahunan
<b>Penyakit Herpervirus Type 1 (FAV-1)</b>	MLV MLV IN	SC or IM IN	6-8 6-8	10-12 10-12	14-16 14-16	Tahunan Tahunan
<b>Penyakit Calicivirus (FCV)</b>	Inactivated MLV MLV IN	SC or IM SC or IM IN	6-8 6-8 6-8	10-12 10-12 10-12	14-16 14-16 14-16	Tahunan Tahunan Tahunan
<b>Feline Leukemia (FeLV)</b>	Inactivated	SC or IM	8	2-3	14-16	Tahunan
		IM		kemudian	2-3	Tahunan
<b>Rabies *</b>	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

\* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan pihak berkuasa veterinar

\*\* Diluluskan untuk digunakan pada kucing (hanya satu vaksin sejak Januari 1983). Penggunaan vaksin MLV **yang tidak diluluskan** pada kucing boleh mengakibatkan penyakit Rabies vaksin-terinduksi.

**SC = Bawah kulit, IM = intraotot, IN = intranasal**

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini samada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

## NOTA

## NOTA

## NOTA



**www.dvs.gov.my**